

MENARIK:

- Mengasuh tabiat membaca di kalangan murid sekolah menerusi NILAM
- PTB menghantar 2 produk di ITEX 2015 iaitu Offline Public Access Catalogue dan Pustaka Vendor Rating System
- The Malay Sultanate of Malacca menjadi buku kegemaran Mamat Khalid-apa yang menarik tentang buku ini?

Isu di dalam:

Yayasan Warisan Johor	3
Kejayaan PTB di ITEX 2015	4
Mamat Khalid dan buku kegemaran	6
Sekitar Kemeriah-han Hari Terbuka PTB	8
Sekitar lawatan di PTB	10
Pameran sepanjang Januari-Jun	11
KLiK- Kelab Kaki-tangan Perpustakaan	12

ISSN :1675-7394

Perasmian Program Nilam SK Tanjong Malim oleh Ketua Pustakawan UPSI

NILAM atau Nadi Ilmu Amalan Membaca merupakan satu usaha Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengasuh amalan membaca di kalangan murid dengan hasrat mewujudkan masyarakat Malaysia yang cintakan ilmu dan menjadikan membaca sebagai satu budaya. Program NILAM ini merangkumi rancangan mengasuh amalan membaca secara terancang dan berterusan melalui aktiviti-aktiviti galakkan membaca di sekolah sepanjang tahun. Sekolah Kebangsaan Tanjong Malim (SKTM) turut mengadakan program ini dan telah menjemput Ketua Pustakawan, Puan Rusliza Yaacob diiringi Timbalan Ketua Pustakawan, Encik Mohamed Zaid bin Mohamed Idris dan Pustakawan, Puan Firdausiah binti Ahamad untuk merasmikan Program Nilam SKTM pada 16 Februari 2015 bertempat di Dataran Perhimpunan SKTM.



Ucapan perasmian oleh Puan.Rusliza Yaacob, Ketua Pustakawan Perpustakaan Tuanku Bainun



Puan Rusliza Yaacob menandatangani buku skrap



Penyampaian anugerah Tokoh Nilam



Gimik pelancaran oleh murid-murid sekolah



Dari Meja Ketua Pustakawan



“Untuk memasyarakatkan ilmu dan maklumat, perpustakaan giat menganjurkan wacana keilmuan mengikut topik semasa atau tokoh yang terpilih”

Perkhidmatan perpustakaan dewasa ini lebih banyak tertumpu kepada penyediaan maklumat secara ‘open access’ iaitu maklumat percuma dan terbuka kepada semua pelanggan. Ini bertujuan untuk memberi tambahan akses kepada sumber atas talian yang dilanggan oleh perpustakaan; supaya perkongsian ilmu bertambah luas dan bersifat ‘borderless’.

Dalam menangani perkembangan arus teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran, peranan perpustakaan dalam ‘blended learning’ dan MOOC (Massive Open Online Courses) menjadi lebih pelbagai. Perpustakaan menggunakan media sosial dalam berurusan dengan pelanggan dan mengambil inisiatif untuk memberi respon kepada keperluan maklumat pelanggan dengan lebih cepat dan efektif.

Untuk memasyarakatkan ilmu dan maklumat, perpustakaan giat menganjurkan wacana keilmuan mengikut topik semasa atau tokoh yang terpilih, mengadakan pameran bertema dan program khidmat masyarakat atau CSR (Corporate Social Responsibility) di institusi luar. Usaha ini diteruskan untuk meningkatkan lagi budaya membaca dan menambahkan ilmu pengetahuan terutama dalam kalangan pelajar sekolah sehinggalah kepada guru, pegawai kerajaan dan korporat, suri rumah dan pesara. Ini menepati dengan saranan kerajaan yang memberi keutamaan kepada pembelajaran secara berterusan dan ‘human capital’ yang berpengetahuan.

Rusliza Yaakub

Dari Meja Ketua Pengarang



Info@pustaka menjadi wadah kepada penyebaran maklumat kepada semua pelanggan dalam membudayakan membaca dan menambah ilmu pengetahuan. Perpustakaan berpeluang mendekati para pembaca dengan sajian berita serta artikel yang menarik dan berinformasi untuk tambahan maklumat kepada semua tentang peranan perpustakaan dan program yang dianjurkan saban tahun.

Keluaran Info@ pustaka kali ini memaparkan beberapa artikel berkaitan penyertaan warga perpustakaan dalam *International Invention Innovation Exhibition* (ITEX), aktiviti NILAM, lawatan oleh Yayasan Warisan Johor, sekitar Hari Terbuka perpustakaan dan berkongsi buku kegemaran Mamat Khalid.

Kami sedar walaupun ramai pembaca tidak dapat mengikuti program dan aktiviti yang dianjurkan oleh perpustakaan, maklumat program dan aktiviti tersebut tetap sampai kepada semua pembaca secara atas talian. Dengan harapan yang positif ini, kami akan sentiasa menyajikan pelbagai berita untuk tatapan semua. Selamat membaca!

Siti Sumaizan Ramli

LAWATAN KERJA YAYASAN WARISAN JOHOR KE PERPUSTAKAAN TUANKU BAINUN


Tanjong Malim, 26 Mei 2015 – Rombongan seramai 5 orang kakitangan Yayasan Warisan Johor (YWJ) yang diketuai oleh Tuan Haji Dzulkarnain bin Asmawi (Ketua Bahagian Persuratan dan Sejarah) telah menjejakkan kaki ke Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB). Kedatangan beliau serta ahli rombongan telah disambut oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Encik Mohamed Zaid bin Mohamed Idris dan rombongan dibawa berjumpa dengan Ketua Pustakawan, Puan Rusliza bt Yaacob. Ketua Pustakawan turut mengiringi rombongan melawat Bilik Koleksi Shahrom Husin, Anak Kandung Suluh Budiman dan mereka sangat tertarik dengan koleksi tinggalan Shahrom Husin yang tersimpan di sini. Seterusnya mereka

dibawa ke bilik kebal untuk melihat khazanah buku-buku lama dari era SITC dan koleksi nadir PTB. Di akhir sesi lawatan, Tuan Haji Dzulkarnain memberi sedikit taklimat tentang peranan dan fungsi Yayasan Warisan Johor. Sebelum berangkat pulang, pihak Yayasan telah menyampaikan cenderahati tanda kenangan kepada Perpustakaan Tuanku Bainun. Perpustakaan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rombongan dari Yayasan Warisan Johor atas kesudian mereka ke Perpustakaan Tuanku Bainun. Semoga kunjungan ini memberi pengetahuan dan manfaat kepada para pustakawan.

Oleh: Norhanizah Zahid



Kejayaan para penyelidik Perpustakaan Tuanku Bainun di ITEX 2015



ITEX atau *International Invention Innovation Exhibition* mula menarik minat ramai penyelidik pada tahun 1989. Semenjak itu, ITEX menjadi platform untuk para pencipta dari segenap pelosok dunia untuk mempersembahkan penciptaan mereka. Bagi penyelidik yang mengemukakan idea dan mutu penciptaan yang baik, pingat Emas akan diberikan diikuti oleh pingat-pingat Perak dan Gangsa. ITEX juga menjadi medan bagi para penyelidik bertemu dengan para pelabur bagi mengkomersilkan penciptaan mereka.

Perpustakaan Tuanku Bainun mula menghantar penyertaan ke ITEX semenjak 2014 yang ketika itu bertempat di *Kuala Lumpur Convention Centre* dengan membawa produk SiberPROP. SiberPROP atau singkatan kepada Sistem Bersepadu Program Pendidikan Pengguna berjaya menggondol pingat Perak. SiberPROP telah mengubah lanskap pendaftaran dan pengurusan Program Pendidikan Pengguna yang disediakan oleh Perpustakaan Tuanku Bainun kepada semua pelajar baharu. Program Pendidikan Pengguna diadakan bagi menunjuk ajar kepada mereka teknik-teknik serta panduan khusus untuk memaksimumkan pengalaman para pelajar menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak perpustakaan. SiberPROP sedia digunakan di mana-mana peranti seperti komputer, tablet mahupun telefon pintar yang mempunyai akses internet. Pelajar boleh menyemak jadual program yang memilih kelas yang bersesuaian dengan jadual masing-masing. Bagi pentadbir sistem pula, SiberPROP mengambil alih peranan penjaan laporan dan statistik sejurus selepas akhir kelas. Tidak lagi perlu bergantung kepada borang manual dan analisa pengiraan menggunakan perisian komputer tertentu untuk menghasilkan laporan.


Pada tahun 2015, di ITEX 2015 juga bertempat di *Kuala Lumpur Convention Centre*, Perpustakaan Tuanku Bainun telah menghantar dua produk untuk dipersembahkan iaitu *Offline Public Access Catalogue (OffPAC)* dan *Pustaka Vendor Rating System* (Pustaka VRS). OffPAC di mana penyelidiknya terdiri daripada Encik Khairul Asyrani, Encik Mohd Razalli, Encik Mohd Hizam dan Puan Siti Sumaizan telah berjaya memikat hati pihak juri dengan membawa pulang pingat Emas. OffPAC adalah satu aplikasi untuk telefon pintar yang dibangunkan bagi memudahkan pengguna perpustakaan mengesan bahan terus ke rak walaupun tanpa mempunyai akses internet. Selain itu, ianya juga dilengkapi dengan kemudahan pengimbas kod bar dan kod QR bagi membaca nombor siri ISBN atau ISSN. Nombor siri yang diimbasi ini kemudiannya akan dipadankan dengan pangkalan data dalaman OffPAC bagi menentukan sama ada bahan tersebut telah ada di koleksi Perpustakaan Tuanku Bainun atau tidak. Ianya amat berguna sekiranya para penggunanya berada di kedai-kedai buku atau perpustakaan lain bagi membantu mereka membuat keputusan pembelian atau peminjaman.

Pustaka VRS yang mana penyelidikanya terdiri daripada Puan Rusliza, Puan Siti Sumaizan, Encik Mohd Razalli, Puan Najah Saghirah dan Encik Khairul Asyrani pula memperolehi pingat Gangsa. Namun ianya tetap satu kejayaan yang boleh dibanggakan kerana adalah sukar dengan persaingan sengit dari serantau pelosok dunia di medan inovasi ini. Pustaka VRS merupakan suatu inovasi di dalam penilaian prestasi pembekal buku.

Bermula daripada penilaian, pengesahan penilaian, penjanaan laporan, pembinaan statistik sehinggalah kepada hasil laporan ke dalam format Adobe PDF semuanya di tangani dengan sistematik oleh Pustaka VRS. Setakat ini Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah menggunakan sistem ini untuk penilaian prestasi pembekal tahun 2014.

Semoga dengan kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kakitangan Perpustakaan Tuanku Bainun untuk menyemarakkan inovasi berterusan demi kebaikan semua pihak.

Oleh: Khairul Asyrani Sulaiman





SUMBANGAN BUKU OLEH PENULIS WARGA UPSI



Tanjong Malim, 13 Mei 2015 – Pegawai Tadbir UPSI, saudara Ismail b. Man telah berkhidmat di Universiti Pendidikan Sultan Idris selama 13 tahun namun siapa dapat menjangka rupanya beliau mempunyai bakat terpendam dalam bidang penulisan. Hasil karya beliau yang pertama berjudul 'Hembusan Rindu' telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Dalam kesibukan menjalankan tugas, kini beliau tampil menghasilkan karya kedua kesinambungan dari novel yang pertama berjudul 'Tangisan Rindu'. Baru-baru ini, En. Ismail telah bermurah hati untuk menyampaikan sumbangan novel beliau sebanyak 5 naskhah untuk koleksi Perpustakaan Tuanku Bainun. Pihak perpustakaan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan yang diberikan. Semoga beliau terus sukses dalam dunia penulisan dan cemerlang dalam kerjaya.

Oleh: Norhanizah Zahid

MAMAT KHALID DAN BUKU KEGEMARAN SAYA



Tanjong Malim, 28 Mac 2015 – Bersempena dengan penganjuran Hari Terbuka Perpustakaan Tuanku Bainun, satu program perkongsian ilmu iaitu program 'Buku Kegemaran Saya' telah berlangsung dengan jayanya di mana ia telah menarik ramai pengunjung menghadirinya. Program ini bertujuan untuk membicarakan tentang buku yang telah mempengaruhi dan mengubah persepsi atau kehidupan

si pembicara itu sendiri. Program kali ini telah Berjaya membawa Encik Mamat Khalid, seorang pengarah filem terkenal negara, ke pentas 'Buku Kegemaran Saya' untuk berkongsi pengalaman beliau mengenai buku yang digemari. Kecintaan beliau kepada membaca terbukti dalam artikel *Pancainder, Mingguan Malaysia* (5 Jan 2014) di mana beliau mengatakan buku mampu mem-

bawa seseorang itu masuk ke dalam dunia 'magis' dan imaginasi yang menarik.

Dalam program tersebut, En. Mamat Khalid telah memilih buku yang berjudul 'The Malay Sultanate of Malacca' hasil karya Muhammad Yusoff Hashim untuk dibicarakan. Beliau menegaskan pentingnya untuk kita mengetahui tentang susur galur kesultanan Melayu khususnya dan ketuanan Melayu khasnya.

Menurut beliau lagi buku ini telah berjaya membuka mata dan minda beliau tentang hakikat masyarakat kini yang tidak lagi mengambil berat tentang asal usul mereka. Buku ini juga telah mempengaruhi beliau untuk menghasilkan filem berjudul *Lang Buana* yang berlatar belakangkan zaman Melayu lama.

Dalam program selama sejam ini, En. Mamat Khalid turut menjawab berbagai soalan yang

dikemukakan oleh pengunjung. Dalam tawa, ada sinisnya. Begitulah karakter beliau semasa beliau menegaskan tentang kepentingan membaca kepada pengunjung yang hadir. Di akhir program, beliau telah menyampaikan hadiah yang berupa buku nota bertandatangan beliau sendiri kepada mereka yang berjaya menjawab soalan kuiz.

Pihak perpustakaan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan

kepada En. Mamat Khalid kerana sudi menjayakan program ini. Semoga beliau lebih berjaya dalam kerjaya beliau. Pihak perpustakaan berharap dapat membawa lebih ramai lagi personaliti terkenal ke pentas 'Buku Kegemaran Saya' untuk bersama-sama berkongsi minda dan pandangan mengenai kepentingan membaca.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR SMK SEKSYEN 18 SHAH ALAM, SELANGOR



Pada 26 Februari 2015, seramai 80 orang pelajar yang terdiri daripada Pengawas Pusat Sumber Sekolah telah berkunjung ke Perpustakaan Tuanku Bainun ditemani 4 orang guru pengiring. Pihak sekolah memohon kursus atau taklimat diberi kepada para peserta yang berkaitan dengan pengurusan koleksi dan kaunter. Antara pengisian sepanjang lawatan ini adalah taklimat mengenai:

Pengenalan Perpustakaan oleh Pn. Nora bt Jamaharee (Bahagian Pengurusan Perkhidmatan dan Maklumat);
Pembelian bahan oleh Cik Noriha bt. Muhammad (Bahagian Perolehan);
Pengkelasan bahan oleh En. Mohd Razalli B. Ahmad Termizi (Bahagian Pengkatalogan);
Penyusunan buku oleh Pn. Nor Hanizah bt. Zahid (Bahagian Pembangunan Koleksi);
Perkhidmatan Kaunter oleh Pn.Siti Fairus bt. Sariat & Pn. Saaidah bt. Ibrahim (Bahagian Pengurusan Perkhidmatan dan Maklumat).

Hari Terbuka Perpustakaan Tuanku Bainun 2015

Hari terbuka Perpustakaan Tuanku Bainun telah diadakan dengan jayanya pada 28 Mac 2015. Antara aktiviti yang diadakan pada hari tersebut ialah :-

- Program buku kegemaran saya bersama En. Mamat Kahlid
- Pameran & pemeriksaan kesihatan
- Pameran misi bantuan kemanusiaan banjir UPSI
- Hari bersama pelanggan dan keahlian luar
- Cabutan bertuah
- "Knowledge fun corner"
- Ceramah Motivasi bersama Da'I Izzhar (Finalis program pendakwah milenia TV3)
- Diskusi Filem bersama Usop Wilca "Meghonjang Makhluk Muzium"
- Jualan makanan dan minuman
- Hari terbuka sumber media



Ucapan alu-aluan dari Ketua Pustakawan Pn.Rusliza bt Yaacob



Ucapan Perasmian oleh Naib Canselor, UPSI



Persembahan dari Tadika Kurnia Minda, Tg. Malim



Penyampaian cenderahati kepada Naib Canselor, UPSI.

Ceramah Motivasi bersama Da'I Izzhar (Finalis Program Pendakwah Milenia TV3)



Diskusi Filem bersama Usop Wilca “Meghonjang Makhluk Muzium”



Pameran dan Pemeriksaan Kesihatan



Hari Bersama Pelanggan dan Keahlian Luar



Mini Pesta Buku



LAWATAN SAMBIL BELAJAR PERPUSTAKAAN UiTM

Pada hari Khamis, 11 Jun 2015, PTB menerima lawatan daripada kakitangan Bahagian Teknikal, Perpustakaan Tun Abdul Razak 1, UiTM Shah Alam yang diketuai oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Puan Faridah bt Talib, pegawai perpustakaan serta staf sokongan seramai 25 orang bertujuan untuk melihat proses kerja yang dilaksanakan di Bahagian Perolehan dan Bahagian Pengkatalo-


gan, serta mendapatkan penerangan terperinci mengenai sistem penilaian prestasi pembekal yang dilaksanakan menggunakan sistem aplikasi dalaman yang dibangunkan oleh PTB sendiri. Rombongan lawatan telah diberi taklimat khas oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Puan Siti Sumaizan bt Ramli dan ketua-ketua setiap bahagian.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR SMK BUKIT KEPAYANG

Seramai 33 orang pelajar dan guru dari SMK Bukit Kepong telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Perpustakaan Tuanku Bainun pada 11 Jun 2015 (Khamis). Lawatan ini juga turut dimeriahkan dengan kehadiran Raja Pensel Warna Malaysia iaitu saudara Uneh. Pelajar-pelajar dan guru pengiring diberikan taklimat dan lawatan berpandu oleh kakitangan Perpustakaan. Selepas

itu aktiviti bersama Uneh dijalankan. Saudara Uneh telah mengajarkan cara melukis menggunakan pensel warna dengan teknik yang betul. Lawatan tamat pada pukul 2.00 petang.




LAWATAN DARIPADA SENIOR CURATOR NATIONAL GALLERY SINGAPORE

Lawatan daripada Senior Curator National Gallery Singapore pada 12 Jun 2015 untuk mendapatkan bahan-bahan berkaitan OT Dussek- Pengasas SITC .



PAMERAN KANSER TULANG & SARKOMA ANGGOTA

Pameran ini telah dijalankan sepanjang bulan Februari hingga Mac 2015 di ruang pameran aras 1, Perpustakaan Tuanku Bainun. Pameran ini menceritakan mengenai punca-punca kanser, rawatan yang perlu dijalani dan juga pengalaman pesakit kanser melalui keratin akhbar yang dipamerkan.



Pameran Misi Bantuan Kemanusiaan Banjir (UPSI)



Pameran ini telah diadakan pada bulan Mac-April 2015 bersempena Hari Terbuka Perpustakaan Tuanku Bainun yang diadakan pada 28 Mac 2015. Tujuan pameran diadakan adalah untuk memberi info mengenai penubuhan ResQ Team UPSI dan juga misi-misi bantuan kemanusiaan yang telah diberikan ketika Negara di landa banjir pada Disember

2014 yang lalu terutama di Kuala Krai, Kelantan. Pameran ini Berjaya menarik perhatian pengunjung perpustakaan dengan maklumat mengenai misi bantuan ResQ Team UPSI berikan dan juga peralatan-peralatan yang digunakan ketika operasi misi menyelamatkan dijalankan.

Pameran Sindrom Down Bukan Penyakit

Sepanjang bulan Mei 2015, Pameran Sindrom Down Bukan Penyakit telah diadakan di ruang pameran aras 1, Perpustakaan Tuanku Bainun. Pameran ini memberi maklumat berkaitan Sindrom Down dan cara kita untuk berkomunikasi bersama kanak-kanak Sindrom Down ini. Sindrom Down bukanlah penyakit. Ia berlaku secara semulajadi

sewaktu kehamilan di mana berlakunya kelainan pada kromosom 21. Secara keseluruhan pameran ini berjaya menarik perhatian pengunjung perpustakaan.



BERITA KELAB KAKITANGAN PERPUSTAKAAN



PESTA BUKU UPSI DATANG LAGI...

Tarikh : 30/9 – 3/10/2015
Masa : 9.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Dewan SITC, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Dapatkan buku-buku dengan **HARGA MENARIK!**

Anjuran Perpustakaan Tuanku Bainun dengan kerjasama Pejabat Karang Mengarang



Tahniah kepada Jawatankuasa KLiK yang baru dan sekalung penghargaan kepada Jawatankuasa KLiK sesi 2015/2015.



Selamat Hari Raya Aidilfitri!

Maaf Zahir dan Batin

Tulus Ikhlas Daripada Warga Perpustakaan Tuanku Bainun

SIDANG REDAKSI:

Penasihat: Rusliza Yaacob

Ketua Pengarang: Hjh. Siti Sumaizan Ramli Ketua Editor: Najah Saghirah Haroman

Pengarang: Norhanizah Zahid, Mohd Razalli Ahmad Termizi, Najah Saghirah Haroman, Khairul Asyrani Sulaiman, Firdausiah Ahamad, Fadzilah Abdullah, Suliza Osman, Nur Asmizah Mohd Salleh, Fazilah Ahmat

Penerbitan dan Edaran: Ahmad Fazli Ahmad Rasmi; Pereka Web: Rozman Che Ross

Jurufoto: Zaini Alipiah